



## **SIARAN MEDIA**

### **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

#### **'SYARAT BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN'**

Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Tuan Budiman bin Mohd Zohdi, Ahli Parlimen Sungai Besar mengenai '**PTPTN Perlu Kaji Syarat Bayaran Pinjaman**' dalam akhbar **Utusan Malaysia** pada muka 14 bertarikh **26 September 2016** yang lalu.

#### **Pengeluaran Akaun II KWSP**

Dimaklumkan bahawa peminjam atau ibu bapa peminjam (ahli akaun) dibenarkan membuat pengeluaran Akaun II KWSP untuk tujuan bayaran balik pinjaman PTPTN. Peminjam boleh memilih untuk membuat pengeluaran keseluruhan atau sebahagian dari Akaun II KWSP untuk bayaran balik pinjaman.

Pengeluaran daripada **Akaun II KWSP peminjam** melibatkan **perjanjian pinjaman pendidikan yang ditandatangani pada atau selepas 2 Januari 2001** (Peringkat Diploma dan ke atas).

Manakala pengeluaran daripada **Akaun II KWSP ibu atau bapa peminjam** melibatkan:

- i) Perjanjian pinjaman yang ditandatangani **pada atau selepas 1 April 2000 (Peringkat Ijazah Sarjana Muda)**; dan
- ii) Perjanjian pinjaman yang ditandatangani **pada atau selepas 17 Januari 2006 (Peringkat Diploma)**.

**Saya ingin nyatakan bahawa, semua peraturan dan polisi bagi tujuan pengeluaran KWSP untuk bayaran balik pinjaman pendidikan adalah tertakluk kepada pihak KWSP sendiri sebagai agensi yang menguruskan dana**

**berkenaan. Syarat ini adalah sama bagi semua jenis pengeluaran untuk pendidikan.**

### **Pertukaran kepada pinjaman berkonsepkan Ujrah**

Ujrah telah diperkenalkan dan dilaksanakan berkuatkuasa 1 Jun 2008 dan peminjam sedia ada di bawah pinjaman konvensional perlu membuat permohonan untuk pertukaran kepada pinjaman yang patuh syariah ini.

Bagi **peminjam yang membuat bayaran balik mengikut jadual dan ingin membuat pertukaran Ujrah, TIADA sebarang bayaran pendahuluan dikenakan.** Namun, bagi **peminjam yang MEMPUNYAI TUNGGAKAN atau TIDAK PERNAH membuat bayaran balik, mereka PERLU membuat bayaran pendahuluan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah tunggakan sebagai komitmen daripada peminjam.** Semasa proses pertukaran Ujrah ini dibuat, **peminjam juga boleh terus membuat penstrukturan semula pinjaman mereka.** Dengan penstrukturan ini, **jumlah ansuran bulanan peminjam boleh dikurangkan mengikut kemampuan mereka melalui pemanjangan tempoh bayaran balik, tertakluk kepada jumlah ansuran minimum antara 6%-8% daripada pendapatan kasar dan had umur yang ditetapkan.**

Memahami pelbagai situasi yang dihadapi oleh peminjam, PTPTN sentiasa **membuka ruang RUNDINGAN kepada semua peminjam yang mempunyai masalah dalam membuat bayaran** kepada PTPTN dan yakin apa jua masalah dapat diselesaikan sekiranya peminjam tampil berunding. **la termasuklah pertimbangan bagi jumlah bayaran pendahuluan yang perlu dibuat untuk pertukaran pinjaman tersebut.**

Langkah yang diambil oleh PTPTN adalah **demi kepentingan pendidikan negara dalam menyediakan dana secukupnya untuk pelajar pada masa hadapan.**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah  
Pengerusi PTPTN  
28 September 2016**